

KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MENGANUGERAHKAN DUA PAKEJ KERJA PROJEK MRT

Kuala Lumpur, 9 November 2016: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan penganugerahan dua pakej kerja jejambat untuk pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Pakej Kerja V204 untuk membina dan menyiapkan jejambat MRT dan kerja-kerja berkaitan dari Portal Selatan Bandar Malaysia ke Kampung Muhibbah telah dianugerahkan kepada WCT Berhad. Nilai kontrak tersebut adalah RM896.41 juta.

Tender untuk Pakej Kerja V204 ini adalah dalam kategori terbuka. Tender ini telah bermula pada 2 Jun 2016 dan tamat pada 16 Ogos 2016. Sebanyak enam syarikat telah mengemukakan tender.

Manakala untuk Pakej Kerja V208 untuk membina dan menyiapkan jejambat MRT dan kerja-kerja yang berkaitan dari Taman Pinggiran Putra ke Persiaran Alpina, penender yang berjaya adalah MTD Construction Sdn Bhd. Nilai kontrak tersebut adalah RM678.68 juta.

Tender untuk Pakej Kerja V208 ini adalah tender terbuka untuk syarikat-syarikat Bumiputera. Tender ini telah bermula pada 28 Jun 2016 dan tamat pada 6 September 2016. Sebanyak tiga tender telah dikemukakan.

Penganugerahan kedua-dua pakej kerja ini telah dilakukan selepas satu Mesyuarat Perolehan Sehati yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar telah mengalu-alukan penganugerahan tender tersebut dan menyatakan kedua-dua kontraktor yang berjaya bakal membawa manfaat kepada Projek MRT.

"Kedua-dua kontraktor tersebut adalah kontraktor yang terkenal dalam industri pembinaan berdasarkan rekod prestasi mereka. Ini adalah perkembangan yang baik untuk Projek MRT kerana pengalaman kedua-dua syarikat ini akan membawa faedah kepada kerja pembinaan Laluan SSP," kata beliau.



Beliau berkata MRT Corp mempunyai hubungan kerja dengan MTD Construction memandangkan syarikat tersebut juga merupakan kontraktor pakej kerja untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK). MTD Construction adalah kontraktor pakej kerja untuk Pakej Kerja V7 untuk membina jejambat MRT dari Bandar Tun Hussein Onn ke Taman Mesra berhampiran Kajang.

Shahril berkata kedua-dua penender yang berjaya telah dipilih berdasarkan Penilaian Tender Terbaik, di mana penilaian dibuat atas aspek teknikal dan aspek komersial di dalam tender masing-masing.

-end/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my